

# Persisi akan majukan silat sebagai sukan berbilang kaum

- 9 JAN 1989

SILAT akan dimajukan sebagai sukan berbilang kaum.

Sebagai langkah pertama, ia akan diperkenalkan secara meluas di pusat-pusat Jawatankuasa Penduduk (RC).

Mengumumkan demikian pada kelmarin malam, Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang juga Anggota Parlimen bagi Kawasanundi Perwakilan Kumpulan (GRC) Bedok, Encik Ibrahim Othman, berkata: "Silat tidak harus dipandang hanya sebagai satu seni sahaja, ia juga merupakan jenis sukan yang bertaraf antarabangsa.

"Ia juga tidak harus dihadkan kepada masyarakat Melayu saja. Masyarakat bukan Melayu juga harus digalakkan untuk menyertainya," jelas Encik Ibrahim.

Berucap semasa merasmikan

Persembahan Silat di Pusat Jawatankuasa Penduduk (RC) Boon Teck Zon E di Blok 207 Toa Payoh North, Encik Ibrahim berkata:

"Seperti sukan-sukan lain umpamanya Taekwondo dan Judo yang disertai oleh semua kaum, silat juga boleh disertai oleh semua kaum," tambahnya.

Menurut Encik Ibrahim, Persisi akan menjadi badan induk untuk memajukan silat di semua RC dengan membantu mereka menubuhkan kelab-kelab silat.

"Kami ingin lebih ramai masyarakat Melayu dan bukan Melayu menyertainya," jelas beliau.

Encik Othman juga berkata bahawa sejauh ini terdapat beberapa pusat RC yang telah memulakan kegiatan-kegiatan silat dan usaha akan dipergiatkan selanjutnya supaya lebih banyak RC yang

menubuhkan kelab-kelab seperti itu.

Anggota Parlimen bagi GRC Toa Payoh, Dr Ho Tat Kin, menjadi tetamu terhormat dalam majlis tersebut. *MILAUH SPUN A*

Majlis persembahan itu dianjurkan oleh Persisi bersama-sama dengan RC Boon Teck dengan tujuan memperkenalkan silat kepada penduduk di Boon Teck.

Permintaan untuk mengadakan persembahan silat itu dibuat oleh RC Boon Teck.

Menurut Pengerusi RC tersebut, Encik Wee Jit Sun, acara itu diharapkan dapat menarik minat belia-belie Melayu untuk menyertai kegiatan silat itu.

"Ia adalah satu kegiatan sukan yang sangat sihat untuk para belia," jelasnya.

# Perwanit mahu aktif di balai rakyat

11 JAN 1989

Antara cara peringkat penglibatan Melayu

PERSATUAN Wanita dan Teruna (Perwanit) yang kini berusia 30 tahun bercadang bergiat lebih cergas dalam kegiatan balai rakyat sebagai salah satu keutamaan masa depannya.

Presiden Perwanit, Haji Ismaon Ali, berkata langkah itu wajar kerana persatuan itu memandang serius kekurangan penglibatan masyarakat Melayu di balai rakyat.

Menurut beliau, langkah itu juga adalah sebahagian daripada persiapan untuk menghadapi cabaran-cabaran lebih hebat dalam tahun-tahun 2000.

"Kami sedia menjadi anggota jawatankuasa pengurus balai rakyat, asalkan kami mendapat kesempatan dan diberikan peluang berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis sambutan ulang tahun ke-30 persatuan itu baru-baru ini.

Perwanit, katanya, juga akan mengatur strategi baru dengan menyusun semula pucuk pimpinan dan kegiatan untuk memberi lebih banyak faedah kepada para anggota dan juga masyarakat umum.

Sementara itu, sewaktu merasmikan majlis yang berlangsung di Mountbatten Road itu, Anggota Parlimen Kawasanundi Perwakilan Kumpulan (GRC) Bedok, Encik Ibrahim Othman, yang juga Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), berkata semangat kesukanan



**HAJI ISMAON:** Perwanit bersiap untuk hadapi cabaran tahun 2000

perlu diwujudkan di kalangan pesilat setempat, di samping berusaha mengelakkan pertelagahan dan kekecohan sesama sendiri.

"Ada lima perkara yang perlu dipegang oleh para pesilat agar semangat kesukanan dapat terus diwujudkan," katanya.

Dasar semangat kesukanan yang dimaksudkan ialah:

- menunjukkan rasa hormat kepada pihak lawan di dalam atau di luar gelanggang. Mereka mesti disambut dengan baik, dan sikap toleran dan berbudi perlu ditunjukkan kepada mereka;

- menunjukkan rasa hormat kepada pegawai yang men-



**ENCIK IBRAHIM:** Semangat kesukanan perlu diwujudkan di kalangan pesilat

jalankan tugas. Pesilat mesti menerima semua keputusan yang dibuat oleh para pegawai yang bertugas;

- menunjukkan pemahaman mengenai peraturan-peraturan pertandingan. Pesilat perlu memahami undang-undang permainan untuk menentukan pertandingan/perlawanan yang adil;

- menunjukkan sikap sabar sepanjang masa. Pesilat mestilah mempunyai disiplin yang baik;

- menunjukkan rasa hormat terhadap sesuatu pertunjukan cemerlang walaupun ia dipersembahkan oleh pesilat daripada kerabat/peguruan seni yang lain.